


AMALAN MEMBACA BUKU SEMAKIN DILUPAKAN?

Oleh Aminudin Mansor



MEMBACA seharusnya dijadikan sebagai rutin kehidupan dan santapan minda. Dalam kehidupan, membaca ialah seni bagi mencari ilmu pengetahuan. Seni membaca memerlukan kefahaman, ketelitian dan keseronokan. Jika ketiga-tiga unsur ini dapat dimanfaatkan, seseorang itu mampu untuk membaca dengan tekunnya dan berterusan. Mereka yang berminat untuk membaca akan berminat untuk menjadi penulis dan pemikir.

Kini, masyarakat semakin meminggirkan kepentingan membaca buku, termasuklah buku elektronik, pada zaman yang serba canggih ini. Remaja, khususnya, lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat melalui internet semata-mata, walaupun tidak diketahui kesahihan maklumat tersebut. Ada juga segelintir remaja gemar untuk membeli buku, tetapi malas untuk

membacanya. Kalangan murid juga tidak berminat untuk membaca novel, cerpen, puisi dan drama, serta prosa tradisional yang dijadikan sebagai teks Komponen Sastera (KOMSAS). Ada antara mereka yang hanya membaca sinopsis novel sahaja kerana wajib bagi menghadapi peperiksaan, seperti peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Remaja, khususnya generasi muda yang masih berada di bangku sekolah, mestilah dilatih supaya berminat untuk membaca dan membuat rujukan daripada buku. Hal ini juga akan menjadikan amalan membaca kepada remaja sebagai amalan yang baik bagi menimba ilmu, khususnya buku yang mempunyai ilmu pengetahuan.

Pada peringkat paling asas, setiap kanak-kanak perlu menguasai kemahiran literasi dan numerasi melalui pembacaan sepenuhnya, khususnya melalui buku, bagi menambahkan ilmu pengetahuan. Kemudahan internet menyebabkan

remaja atau generasi muda lebih cenderung untuk mendapatkan maklumat. Dari segi ilmiah, terutama pada peringkat pusat pengajian tinggi atau universiti, amalan ini tidak baik dan tidak mencambahkan nilai ilmu pengetahuan. Rujukan dan pembacaan dalam internet ialah jalan mudah yang belum tentu kesahihannya dari segi dapatan ilmu pengetahuan.

Amalan membaca buku ilmu pengetahuan oleh penerbit yang berwibawa dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dengan mendapatkan bahan ilmu yang sudah disahkan sebagai bahan yang telah diedit sebelum buku tersebut dicetak. Begitu juga membaca karya sastera, seperti novel dan cerpen, juga dapat memahami budaya kehidupan masyarakat. Dalam era globalisasi, membaca masih penting, terutama, buku yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi, sains dan teknologi, dan juga membaca akhbar. Begitu juga pembacaan dan

penerokaan di alam maya, iaitu internet, melalui pembacaan di media baharu dan media sosial sebagai rujukan kedua.

Untuk menjadikan orang beresi apabila membaca, dia memerlukan pemikiran kreatif dan kritis dan menyaring bahan bacaan yang diperoleh melalui media sosial dan media baharu. Buku masih menjadi bahan utama bagi mencari ilmu pengetahuan, terutamanya dalam kertas projek dan kertas kerja, tesis, serta kajian dalam sesuatu bidang pada peringkat pusat pengajian tinggi atau universiti. Menurut pandangan Francis Bacon, membaca menjadikan seseorang beresi, berunding menjadikannya siap, menulis menjadinya dia saksama. Oleh itu, jika seseorang itu sentiasa membaca, tentulah akal fikirannya beresi, percakapannya beresi, dan apa-apa yang dilakukannya sentiasa dipertimbangkan.

Lantaran itu, kajian yang dilakukan tidak lama dahulu menunjukkan kadar membaca buku rakyat Malaysia

meningkat kepada lapan buah buku dalam setahun pada tahun 2010 lalu berbanding dengan dua buah buku pada tahun 1996. Pada tahun 2014, rakyat Malaysia dikatakan membaca secara puratanya sebanyak 15 buah buku setahun. Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara, Siti Rodziah Othman, menyatakan bahawa jumlah itu dijangka terus meningkat pada 2018 dan tahun mendatang jika amalan tersebut dibudayakan dalam masyarakat dengan sungguh-sungguh. Di negara ini, kadar celik huruf orang dewasa yang berumur 15 tahun ke atas sebelum ini sudah sedia tinggi, iaitu 92.3 peratus daripada jumlah keseluruhan rakyat Malaysia pada tahun 2005 dan kini meningkat kepada 98 peratus pada tahun 2014.

Lantaran itu, pelbagai usaha dilakukan bagi meningkatkan minat membaca dalam kalangan masyarakat, terutamanya pelajar dan remaja, dengan menyediakan peluang membaca dan berkarya yang lebih luas dalam kalangan

Education - General

pg: 6-9

Control No: A 0000 275505

File Name: MA/education/2018/EDU2018 A06.pdf

H



K

generasi muda. Oleh itu, program NILAM (Nadi Ilmu Amalkan Membaca) merupakan usaha Kementerian Pendidikan untuk membina tabiat membaca dalam kalangan murid dengan hasrat untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang cinta kepada budaya membaca dan budaya ilmu.

Program NILAM merangkumi rancangan untuk membina tabiat membaca secara terancang dan berterusan melalui aktiviti galakan membaca di sekolah. Program penilaian pembacaan ini berterusan sepanjang tahun. Program ini mula dilaksanakan dalam tahun satu di sekolah rendah dan tingkatan satu peralihan di sekolah menengah pada tahun 1999 dan penilaian pembacaan mereka diteruskan sehinggalah mereka tamat persekolahan.

Antara faktor yang membantu usaha untuk meningkatkan minat membaca termasuk pertumbuhan rangkaian perpustakaan yang menyediakan program dan aktiviti galakan membaca yang terancang dan berterusan. Perpustakaan bergerak juga memberikan kemudahan kepada generasi muda untuk membaca. Selain itu, pertambahan penerbitan buku yang pelbagai dan berkualiti dan sesuai dengan kehendak masa turut mendorong minat membaca. Buku juga diterbitkan dalam bentuk yang lebih kecil, seperti iPad, ringan, dan senang untuk dibawa ke mana-mana. Peningkatan minat membaca akan membentuk masyarakat berilmu yang mempunyai nilai murni serta

bertamadun pada masa akan datang.

Usaha Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) memberikan buku bagi menggantikan duit raya kepada kanak-kanak dapat memupuk minat membaca dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Usaha ini sewajarnya mendapat sambutan daripada orang ramai sebagai galakan untuk menanam dan menyuburkan minat membaca.

Pemerhatian penulis ini terhadap industri buku mendapati bahawa buku bercorak agama, buku kanak-kanak, dan novel remaja menjadi pilihan pembaca remaja dan kanak-kanak. Kalangan pembaca, khususnya pembaca setia wanita dalam kalangan remaja, telah

melariskan penjualan novel dan buku seumpama ini. Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak yang berusia tujuh hingga 12 tahun masih kuat pengaruh minat membaca meskipun pengaruh Internet semakin meluas.

Karya sastera tidak harus dipandang sepi dan seharusnya mendapat perhatian generasi muda untuk terus membacanya. Perkembangan ini berlaku pemupukan melalui pendidikan sastera di sekolah yang dirancakkan dan dipergiat dengan lebih kreatif. Perkembangan ini juga telah merancakkan dunia sastera dan industri

pembukuan dan penerbitan. Kalangan penerbit berlumba-lumba untuk menerbitkan novel remaja yang menjadi kegemaran pembaca yang menyentuh soal cinta, kasih sayang, keluarga, masyarakat dan kehidupan sebenar masa ini. Pemupukan dan minat awal membaca ini berjalan secara senyap dan seterusnya memberikan manfaat.

Pemupukan ini sebenarnya telah berlaku sejak 10 tahun dahulu melalui pengenalan KOMSAS. Falsafah Pendidikan Kebangsaan jelas berjaya melahirkan individu yang seimbang serta berkembang secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, jasmani, dan emosi melalui pembelajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu dan KOMSAS sedikit banyak telah berjaya untuk memupuk minat membaca dan membentuk akal budi dalam kalangan pelajar. Hal itu dapat memupuk dan menjiwai nilai murni dari segi kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kenegaraan.

Penerusan minat membaca ini dibawa dalam kehidupan harian mereka sebagai hobi dan pengisi masa lapang dan melahirkan remaja yang berfikiran kritis dan kreatif, bahkan dapat membina budaya mengkaji, menyelidik

Penerusan minat membaca ini dibawa dalam kehidupan harian mereka sebagai hobi dan pengisi masa lapang dan melahirkan remaja yang berfikiran kritis dan kreatif, bahkan dapat membina budaya mengkaji, menyelidik dan mencipta yang kemudiannya akan melahirkan penulis generasi baharu yang prolifik dan produktif yang dapat menyumbang kepada perkembangan sastera tanah air.

dan mencipta yang kemudiannya akan melahirkan penulis generasi baharu yang prolifik dan produktif yang dapat menyumbang kepada perkembangan sastera tanah air. Kata William Shakespeare, "Kupuji yang dapat membaca dan selalu mengingat apa-apa yang dibacanya, tetapi lebih kupuji lagi orang yang mengerti maksud apa-apa yang dibacanya".

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini pada peringkat sekolah menengah akan dapat memartabatkan kesusasteraan agar tidak diketepikan dalam era pembangunan dan kemajuan teknologi sekarang. Minat membaca juga dapat disemai dalam jiwa setiap

murid sehingga alam remaja dan dewasa.

Usaha murni ini akan terus merancakkan kegiatan penulisan buku ilmu pengetahuan dan kemahiran. Penulisan buku sastera, khususnya novel, terus dapat dimantapkan dalam sistem pendidikan di negara ini. Membaca dapat meluaskan pengetahuan, memperkaya perbendaharaan kata, mendamaikan jiwa, memperkasakan akal, menyantuni budi dan memperbaiki tingkah laku, serta mendapat keberkatan daripada ilmu melalui pembacaan daripada buku yang beribawa penerbitannya, seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dan ITBM. ●

